

Usia 18 tahun sudah matang, sesuai kahwin



Keratan akhbar BH Ahad semalam.

➔ Had minimum perlu menyeluruh, tidak tertumpu kepada umat Islam

Oleh Saadiah Ismail dan Esther Landau
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Cadangan menaikkan had usia minimum perkahwinan kepada 18 tahun dianggap 'selesa' bagi individu yang ingin berkahwin kerana ia usia matang dan sudah tamat persekolahan.

Profesor Undang-Undang Wanita, Keluarga dan Kanak-kanak, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Noor Aziah Awal, berkata secara tidak langsung ia dapat menjaga nama agama Islam daripada diperguna untuk menghalalkan sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku.

Beliau berkata, akibat daripada beberapa kisah di Kelantan yang mana lelaki berusia berkahwin dengan kanak-kanak, ada dalam kalangan masyarakat mengatakan yang per-



Benar, usia bukanlah syarat sah perkahwinan dan amalan ini sudah berlaku sejak dahulu lagi, namun tidak bermakna Islam menggalakkan perkahwinan ini"

Noor Aziah Awal,
Profesor Undang-Undang Wanita, Keluarga dan Kanak-kanak, Fakulti Undang-Undang, UKM

kahwinan kanak-kanak seperti itu menggalakkan fedofilia.

"Benar, usia bukanlah syarat sah perkahwinan dan amalan ini sudah berlaku sejak dahulu lagi, namun tidak bermakna Islam menggalakkan perkahwinan ini.

"Dari kajian saya, ramai pasangan kanak-kanak memohon untuk berkahwin kerana sudah terlanjur, namun perkahwinan tidak dapat menyelesaikan masalah perzinaan dan anak tak sah taraf kerana kadar perceraian dalam kalangan pasangan muda juga sangat tinggi," katanya ketika dihubungi, NSTP, semalam.

Lindungi kanak-kanak

Dalam satu kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, dilaporkan berkata beliau menyatakan hasrat kerajaan untuk menaikkan had umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun bagi melindungi kesihatan, keselamatan dan hak kanak-kanak di negara ini.

Namun, beberapa mufti menganggap ia bertentangan hukum syarak dan boleh membuka ruang kepada perzinaan dalam kalangan remaja.

Noor Aziah berkata, isu had minimum umur perkahwinan itu juga perlu dilihat secara menyeluruh dan mesti membatikan kanak-kanak Islam dan bukan Islam.

"Jangan hanya disebabkan kisah itu, satu dasar perlu diubah.

Dalam kajian saya untuk Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), daripada 2,143 fail perkahwinan kanak-kanak, hanya 15 membabitkan kanak-kanak perempuan bawah usia 16 tahun berkahwin dengan lelaki mencecah usia 58 tahun.

"Justeru cadangan menaikkan had usia minimum perkahwinan itu perlu dilihat secara menyeluruh, tidak hanya tertumpu kepada masyarakat Islam," katanya.

Tiada alasan kukuh

Menyentuh mengenai kenyataan Mufti Sabah yang kebanyakan masyarakat di sana berkahwin pada usia 16 atau 18 tahun, beliau berkata, ia berdasarkan keadaan masyarakat pribumi yang tinggal di pedalaman yang berbeza dengan penduduk di Semenanjung.

"Di Semenanjung, kebanyakan perkahwinan bawah umur banyak berlaku di Kelantan kerana ia dilihat sebagai suatu perkara biasa.

"Kanak-kanak berusia bawah 16 tahun tidak sepatutnya mahkamah membenarkan untuk berkahwin kerana tiada alasan kukuh untuk membenarkannya," katanya.

Beliau berkata, jika alasan miskin diberikan, bantuan boleh dihulurkan bagi membantu mereka bersekolah semula dengan menggunakan sumber daripada Baitulmal dan zakat.